

# KATA2 ALUAN

# DARI PM

KELUARAN KHAS



## HARI POLIS DIRAJA MALAYSIA

SAYA mengucapkan tahniah kepada Pasukan Polis Diraja Malaysia yang merayakan hari ulangtahunnya yang Ke-175 hari ini.

Tema perayaan, iaitu "Bersedia Berkhidmat", adalah amat sesuai dengan suasana negara yang sedang pesat membangun.

Penggunaan dan penghayatan tema ini akan meningkatkan prestasi setiap anggota polis dan pasukan keselamatan seluruhnya.

Saya percaya dengan perayaan ulangtahun ini setiap anggota polis akan membaharui likar taat setia, tekad serta azam mereka untuk berkhidmat dengan penuh jujur, dedikasi dan berdisiplin kepada rakyat dan negara.

Pasukan polis adalah diamanahkan untuk menjaga keamanan dan keselamatan negara. Keamanan dan keselamatan negara adalah penting untuk pembangunan dan kesejahteraan rakyat.

Peranan Pasukan Polis, dalam hal ini, adalah besar dan mencabar. Dengan bersenjata kuasa-kuasa yang diberikan menerusi berbagai undang-undang, Pasukan Polis diharapkan dapat menunaikan tanggungjawabnya dengan bijaksana tanpa mengikut nafsu.

Kemampuan dan keupayaan Pasukan Polis sangat-sangat bergantung kepada disiplin. Begitulah juga dengan sifat-sifat kejujuran dan dedikasi yang mana sentiasa perlu dipupuk untuk mendapat kepercayaan dan keyakinan penuh daripada rakyat.

Akhir kata kepada Pasukan Polis saya mengucapkan selamat berkhidmat dan selamat maju jaya.



DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD